

06 APR 1997

MAHATHIR TERIMA ANUGERAH TERTINGGI KUWAIT

BANDARAYA KUWAIT, 6 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menerima anugerah tertinggi Kuwait yang lazimnya dikurniakan kepada Ketua Negara.

Perdana Menteri menerima anugerah "Mubarak Al-Kabir" daripada Emir Kuwait, Sheikh Jaber Al-Ahmad Al-Sabah di Amiri Diwan, Istana Bayan, di sini.

Dr Mahathir adalah pemimpin negara Asia yang pertama menerima anugerah itu, yang namanya diambil sempena nama pengasas Kuwait moden.

Beliau menerima anugerah itu atas kejayaannya sebagai pemimpin sebuah negara Islam.

Dr Mahathir sebelum ini menerima anugerah antarabangsa Raja Faisal daripada kerajaan Arab Saudi pada 23 Mac kerana "Perkhidmatan kepada Islam" dan anugerah Jawaharlal Nehru daripada kerajaan India bagi "Persefahaman Antarabangsa" pada 20 Dis lepas. -- BERNAMA

ARA OBA